



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT

SIARAN MEDIA

PUSAT SEHENTI KEUSAHAWANAN (PSK) PLATFORM PENYEBARAN MAKLUMAT UNTUK USAHAWAN DAN PKS

15 Oktober 2018, Kuala Lumpur - Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah melancarkan Pusat Sehenti Keusahawanan (PSK) yang berkonsepkan pusat fizikal hari ini sebagai platform penyebaran maklumat mengenai usahawan dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Pusat Sehenti Keusahawanan ini merupakan pusat rujukan setempat yang berperanan sebagai pusat penyimpanan data, mengumpul maklumbalas serta memberi khidmat nasihat kepada usahawan dari seluruh negeri terutamanya di Lembah Klang.

Majlis Pelancaran PSK telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan dan turut dihadiri oleh YB Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli, Timbalan Menteri

Pembangunan Usahawan bertempat di Hab PKS yang terletak di ibu pejabat SME Corp. Malaysia di Platinum Sentral, Kuala Lumpur sebagai lokasi induk. PSK ini menempatkan agensi-agensi di bawah MED seperti SME Bank, TEKUN Nasional, Bank Rakyat, INSKEN, UDA Holdings, Maktab Koperasi Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia serta turut merangkumi lain-lain agensi seperti MyIPO, Jabatan Kastam dan lain-lain yang dapat memberi khidmat nasihat dan fasilitasi kepada para usahawan dan PKS. Selain dari Hab PKS, terdapat lima (5) lokasi lain yang akan menempatkan Mini PSK secara fizikal iaitu Melaka, Alor Setar, Kota Bharu, Kota Kinabalu dan Kuching.

Baru-baru ini, MED juga telah melancarkan talian *Hotline* (Talian Bebas Tol 1-300-88-1020) yang beroperasi sepenuhnya pada 28 September 2018 sebagai pemudahcara dalam memberi khidmat nasihat kepada usahawan dan bakal usahawan. Selain dari itu, para usahawan dan PKS juga boleh mengakses maklumat mengenai insentif dan program pembangunan PKS secara dalam talian menerusi SMEhub App. Di samping itu, “SME Info Portal”, <https://smeinfo.com.my> di bawah kendalian SME Corp. Malaysia turut menyediakan maklumat mengenai panduan perniagaan. Portal ini turut memaparkan maklumat terperinci mengenai penubuhan perniagaan, bagaimana untuk meningkat dan mengembangkan perniagaan dan juga penutupan sesuatu perniagaan. Portal ini juga memaparkan program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh 16

Kementerian dan lebih 60 Agensi yang terlibat dalam pembangunan PKS merangkumi topik seperti sumber pembiayaan, latihan dan institusi sokongan untuk para usahawan dan PKS.

Bersempena dengan Pelancaran PSK, siri pertama *MyPerintis-BizRev Talk* yang menampilkan penceramah-penceramah dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia, TM Unifi, Swingvy, MySchool of Life, BEAM, FuzzTrack, Funding Societies, LHDNM dan Accounterz turut diadakan. *MyPerintis-BizRev* merupakan program untuk meningkatkan lagi pengetahuan mengenai konsep dan teknologi moden yang memberi impak kepada entiti perniagaan masa kini.

Selain Kuala Lumpur dan Selangor, siri *MyPerintis-BizRev* juga akan dianjurkan di Johor, Kedah, Melaka, Perak, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak bermula pertengahan Oktober 2018 sehingga Jun 2019. Program ini merupakan hasil kerjasama SME Corp. Malaysia dan Pertubuhan Perintis Malaysia (MyPerintis) serta beberapa organisasi lain seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), MySchool of Life, Unifi, Swingvy, Accounterz2u, MAVCAP, Focus Malaysia, BEAM, Touch 'n Go, FuzzTrack, Funding Societies, LTT Global dan E3.

- Tamat –

**Kementerian Pembangunan Usahawan
15 Oktober 2018**